



MALAYSIA

**Warta Kerajaan**  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 62  
No. 24

**23hb November 2018**

*TAMBAHAN No. 134*  
*PERUNDANGAN (A)*

**P.U. (A) 296.**

**AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959**

**PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (PERSIMPANGAN BERTINGKAT BANDAR SERENIA) 2018**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [*Akta 376*], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Selangor, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Persimpangan Bertingkat Bandar Serenia) 2018**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 26 November 2018.

**Perisytiharan jalan sebagai jalan Persekutuan**

2. (1) Bahagian jalan yang dikenali sebagai Persimpangan Bertingkat Bandar Serenia yang merupakan sebahagian daripada Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah yang bermula dari kilometer 33.867 di koordinat S -91961.110, T 19163.182 Grid Bentuk Benar Serong di Tepi (RSO) Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 36.041 di koordinat S -92736.873, T 21145.679 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000) Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah, kedua-dua jarak diukur dari kilometer 0.0 Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah di Persimpangan Bertingkat Johor Bahru termasuk Plaza Tol Masuk/Keluar Bandar Serenia dan jalan-jalan sambungannya dan berakhir di Had Sempadan Penyenggaraan (HSP) di koordinat S -91764.525, T 20812.704 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000), diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan.

(2) Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

## P.U. (A) 301.

## AKTA PERGIGIAN 1971

## PERINTAH PERGIGIAN (PINDAAN JADUAL KEDUA) (No. 4) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 12(2) Akta Pergigian 1971 [*Akta 51*], Menteri, selepas berunding dengan Majlis, membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pergigian (Pindaan Jadual Kedua) (No. 4) 2018**.

**Pindaan Jadual Kedua**

2. Jadual Kedua kepada Akta Pergigian 1971 dipinda berhubung dengan negara “India” —

(a) dengan menggantikan butiran “JSS Dental College, Mysore” dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butiran dan butir-butir yang berikut:

*Institusi yang  
memberikan kelulusan*

*Perihal kelulusan*

“J.S.S. Dental College, Mysore, JSS Academy of Higher Education & Research yang disifatkan sebagai suatu universiti dan yang dahulunya dikenali sebagai JSS Dental College, Mysore	Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian”; dan
--	--

(b) dengan menggantikan butiran “Sri Ramachandra Dental College and Hospital, Sri Ramachandra Medical College and Research Institute, Chennai yang disifatkan sebagai suatu universiti dan yang dahulunya dikenali sebagai Sri Ramachandra University” dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butiran dan butir-butir yang berikut:

*Institusi yang  
memberikan kelulusan*

*Perihal kelulusan*

“Sri Ramachandra Dental College and Hospital, Sri Ramachandra Institute of Higher Education and Research Institute, Chennai yang disifatkan sebagai suatu universiti dan yang dahulunya dikenali sebagai Sri Ramachandra Dental College and Hospital, Sri Ramachandra Medical College and Research Institute, Chennai yang disifatkan sebagai suatu universiti

Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian”.

Dibuat 7 November 2018  
[KKM-60(21/4)/3/1; PN(PU2)93/VII]

DATUK SERI DR. DZULKEFLY BIN AHMAD  
*Menteri Kesihatan*

DENTAL ACT 1971

DENTAL (AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE) (No. 4) ORDER 2018

In exercise of the powers conferred by subsection 12(2) of the Dental Act 1971 [Act 51], the Minister, after consulting the Council, makes the following order:

**Citation**

1. This order may be cited as the **Dental (Amendment of Second Schedule) (No. 4) Order 2018**.

**Amendment of Second Schedule**

2. The Second Schedule to the Dental Act 1971 is amended in relation to the country of “India”—

(a) by substituting for the item “JSS Dental College, Mysore” and the particulars relating to it the following item and particulars:

*Institution granting qualification*

*Description of  
qualification*

“J.S.S. Dental College, Mysore, JSS Academy of Higher Education & Research that is deemed to be a university and which was formerly known as JSS Dental College, Mysore

Bachelor of Dental Surgery (B.D.S)”;

- (b) by substituting for the item “Sri Ramachandra Dental College and Hospital, Sri Ramachandra Medical College and Research Institute, Chennai that is deemed to be a university and which was formerly known as Sri Ramachandra university” and the particulars relating to it the following item and particulars:

<i>Institution granting qualification</i>	<i>Description of qualification</i>
“Sri Ramachandra Dental College and Hospital, Sri Ramachandra Institute of Higher Education and Research Institute, Chennai that is deemed to be a university and which was formerly known as Sri Ramachandra Dental College and Hospital, Sri Ramachandra Medical College and Research Institute, Chennai that is deemed to be a university	Bachelor of Dental Surgery (B.D.S)”.

Made 7 November 2018  
[KKM-60(21/4)/3/1; PN(PU2)93/VII]

DATUK SERI DR. DZULKEFLY BIN AHMAD  
*Minister of Health*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA  
WJW012499 23-11-2018